

## Representasi ‘Kekelantanan’ dalam *Sorok Bau Budu*

### *Representation of Kelantaness in Sorok Bau Budu*

Nur Syafieda Mohamed Salleh  
Badrul Redzuan Abu Hassan

Program Komunikasi Media  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

brah@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

*Kajian ini menganalisis representasi ‘keKelantanan’ menerusi telemovie Sorok Bau Budu (2011), arahan Sabri Yunus. Adalah penting untuk mendalami mengapa masyarakat Kelantan khususnya yang merantau di luar tanah air mereka menerima stigma yang cenderung menstereotaipkan identiti keMelayuan dan semangat kenegerian mereka oleh ‘masyarakat luar’. Fenomena ini akan cuba dihuraikan menerusi konsep batas etnik/sosial dan Teori Pilihan Rasional. Kedua-duanya digembelingkan untuk memberikan pencerahan betapa dinamika identiti etnik atau sosial seseorang individu bergantung kepada survival dan keperluan lingkungan sosiobudaya yang mendatangkan faedah bagi kepentingan individu. Menggunakan pendekatan interpretif, kaedah analisis kandungan menerusi analisis pbingkai wacana kritis. Hasil dapatan kajian mendapati representasi ‘keKelantanan’ dalam Sorok Bau Budu telah mengabsahkan tanggapan bahawa orang Kelantan sememangnya mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap nilai sosiobudaya mereka. Namun penstereotaipan ciri ‘asobiyah’ sebenarnya bersifat dinamik khususnya apabila mereka merantau, iaitu apabila penyesuaian jati diri dibuat sebagai usaha untuk menyesuaikan diri di tempat orang.*

**Kata kunci:** ‘keKelantanan’, batas etnik/sosial, Teori Pilihan Rasional, semangat kenegerian, stereotaip

#### ABSTRACT

*This study explores the representation of Kelantan-ness in the telemovie Sorok Bau Budu (2011) by filmmaker Sabri Yunus. It is important to understand why beyond the comfort of their state, Kelantanese have been, and rather too easily, subjected to ethnic or social stereotyping especially from their non-Kelantanese Malay brothers and sisters. The sociocultural stigma attached to Kelantanese fraternities outside of Kelantan is typically provincial in nature which is often deployed to discredit such display of cliquish cronyism, to some degrees, as a form of ethnic chauvinism. Such phenomenon may be explicated in this paper through the concept of ethnic or social boundary, which should be read together with the Rational Choice Theory. Both will be used to inform that the dynamics of one’s ethnic or social identity is driven by the one’s survival needs as much as that of one’s community. Using the interpretive approach, the unit of content analysis is informed by critical analysis of selected frames. The findings show that the representation of Kelantan-ness in this work has not done much to challenge the predominant ethnocentric stereotyping of out-of-bounds*

*Kelantanese. Rather it seems to have opted to reinforce their representation as a historically close-knit Malay community that is ever-ready to uphold their collective identity.*

**Keywords:** *Kelantan-ness, ethnic/social boundary, Rational Choice Theory, provincialism, stereotyping*

## 1. Pendahuluan

Secara umumnya, media massa masih memainkan peranan penting dan menjadi wadah bukan hanya untuk mendapatkan berita dan maklumat terkini, tetapi ia juga berfungsi sebagai medium yang membentuk pemikiran masyarakat mengenai persoalan seperti jati diri dalam kehidupan harian. Industri perfileman tempatan dilihat semakin giat mendekati persoalan ini menerusi penerbitan telemovie untuk tayangan di televisyen. Dalam kajian media, persoalan jati diri atau identiti dibahaskan sebagai persoalan representasi iaitu, manifestasi dan konstruksi media terhadap sesuatu realiti atau pengalaman yang berlaku dalam kehidupan harian. Sebenarnya, setiap representasi yang dihasilkan oleh media memainkan peranan yang penting khususnya dalam membina paparan dalam minda khalayak mengenai senario, persepsi dan pengalaman parokial seperti kesenian, kebudayaan, lokaliti, sejarah, tokoh dan masyarakat setempat, daerah termasuk stereotaip kenegerian yang popular. Sesuatu representasi yang dimediasikan bermakna seorang pembikin filem akan mengolah dan membentuk sesuatu realiti atau kebenaran itu berdasarkan pengalaman peribadi atau persepsi umum. Ini juga bermakna bahawa suatu representasi itu boleh dikonstruksi dan dimanipulasi untuk tujuan mengubah dan membentuk imaginasi yang baharu dengan kelainan yang tidak bertentangan dengan kenyataan. Makalah ini, justeru, mengkaji representasi 'keKelantan' menerusi telemovie *Sorok Bau Budu* (2011) arahan pengarah Sabri Yunus. Telemovie ini dilihat telah mengangkat persoalan identiti yang dialami masyarakat perantau dari negeri Kelantan yang berhijrah ke kota metropolitan seperti Kuala Lumpur.

### 1.1 Wacana 'keKelantan'

Dalam imaginasi sosial sebahagian besar masyarakat di Malaysia, rakyat dan budaya negeri Kelantan sering di terletak di sebelah pantai timur negara dan bersempadan dengan negeri jiran Thailand, membolehkan Kelantan memiliki nilai budaya yang unik hasil asimilasi dua negara (Mohamed Yusoff Ismail, 1996). Masyarakat Kelantan bertutur menggunakan bahasa Melayu Kelantan, loghat dari bahasa Melayu piawai yang mempunyai perbezaan di atas faktor kawasan. Loghat Kelantan merupakan loghat yang paling sukar untuk difahami di semenanjung Malaysia namun turut dituturkan di kawasan Besut dan Pulau Perhentian di Terengganu serta di beberapa daerah lain seperti daerah Baling, Sik dan Padang Terap di negeri Kedah. Loghat Kelantan juga mempunyai persamaan dengan loghat yang dituturkan oleh orang Melayu-Thai di Selatan Thailand, Melayu Champa dan juga orang Aceh. Dianggarkan loghat ini telah digunakan sejak lebih 1,000 tahun yang lalu dan kerana itulah ia mempunyai persamaan dari segi sebutan dan juga makna bukan sahaja di luar Kelantan tetapi juga di luar Malaysia. Loghat Kelantan dituturkan dengan sangat fasih oleh orang Cina dan India yang dilahir dan dibesarkan di Kelantan serta orang Siam. Namun begitu, anak Kelantan dikatakan agak sukar untuk mengikis loghat atau 'bahasa budu' bila bertutur dalam bahasa Melayu. 'lidah Kelantan' ini akan kedengaran juga apabila mereka menggunakan bahasa Inggeris melalui lenggok bahasa dan sebutan yang dapat memberikan petunjuk sosiobudaya mengenai asal-usul atau latar belakang mereka (Ajid Che Kob, 2008).

Selain bahasa, Kelantan terkenal dengan warisan makanan yang unik serta kepelbagaian kuih dengan nama yang eksotik. Budu merupakan antara makanan ikonik sinonim melambangkan negeri Kelantan. Budu merupakan sejenis sos pencicah yang wajib

dimakan bersama dengan nasi. Masyarakat Kelantan diajar untuk makan budu sejak kecil kerana budu merupakan kunci kepada kenikmatan atau keenakan sesuatu hidangan. Jika orang Melayu makan sambal belacan sebagai pelengkap hidangan, orang Kelantan mampu menikmati nasi kosong hanya dengan budu sahaja sebagai pengganti lauk-pauk. Politik dan ekonomi Kelantan berbeza dengan kebanyakan negeri lain. Kelantan merupakan antara empat negeri yang tidak diperintah oleh parti pemerintah Barisan Nasional (BN). Mendapat gelaran negeri Serambi Mekah, Kelantan ditadbir oleh parti politik Pas yang mengamalkan konsep budaya Islam sebagai tunjang pentadbiran (Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi, 2012). Pendefinisian ‘pembangunan’ di Kelantan berbeza dengan definisi konvensional, di mana dasar Membangun Bersama Islam (MBI) ditakrifkan sebagai pelaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan ketaatan kepada agama dan tidak memudaratkan sosial dan moral manusia, demi mencapai keredhaan Allah (Suhana Saad & Marsitah Mohd Radzi, 2009). Aspek pembangunan modal insan pula diletakkan sebagai teras utama di dalam agenda pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan sejak tahun 1990. Sebagai kesannya, ramai anak Kelantan berhijrah keluar dari negeri Kelantan untuk mencari pekerjaan. Masyarakat Kelantan sering dikaitkan memiliki semangat ‘Asabiyyah’ atau kenegerian yang kuat (Pawanteh & Kuake, 2016). Tidak dapat dinafikan terdapat perbezaan gaya hidup yang ketara antara masyarakat Kelantan dengan negeri lain misalnya dari segi makanan, politik, gaya hidup dan loghat yang berbeza hingga masyarakat Kelantan sering dinilai mempunyai semangat cintakan negeri yang tinggi.

## 2. *Filem Kenegerian dan Sorok Bau Budu*

Genre filem kenegerian bukanlah sesuatu yang baharu di negara Malaysia. Filem sebegini tidak hanya mengetengahkan mengenai budaya tempatan namun diibaratkan lebih dekat di hati penonton dengan menggunakan loghat sebagai ‘ikatan’ yang mampu menarik khalayak untuk menonton. Filem kenegerian juga membawa konsep pemaknaan di mana filem sebegini seakan memberi gambaran realiti masyarakat negeri berkenaan sendiri. Kepercayaan diberikan sepenuh terhadap pengarah untuk mengarap filem dengan sebaiknya kerana filem sebegini membawa imej sesuatu negeri. Watak-watak juga tidak diberikan secara semborono sebaliknya kajian yang teliti berkaitan budaya negeri berkenaan dibuat terlebih dahulu agar wataknya bersesuaian atau tepat dengan negeri tersebut. Filem kenegerian juga boleh diertikan sebagai hasil garapan seni yang memaparkan cerita serta menjadi cerminan kepada budaya masyarakat, pemikiran dan cetusan perasaan pembikinannya.

Sebagai sebuah representasi ‘keKelantanan’, *Sorok Bau Budu* mengisahkan kehidupan Deris, seorang pemuda berasal dari Kelantan yang menetap dan bekerja sebagai jurujual kereta di Kuala Lumpur. Setelah tidak pulang berhari raya di kampungnya selama 3 tahun, ibu bapa Deris, Pak Brahim dan Mak Esah datang untuk menjemput anak mereka pulang menyambut hari raya Korban. Kedatangan mereka telah membongkar rahsia kehidupan dan persoalan identiti Deris, seorang anak jati Kelantan yang menyembunyikan jati diri ‘keKelantanan’nya demi *survival* atau tuntutan kehidupan kota kosmopolitan.

## 2. *Teori Pilihan Rasional dan Batas Etnik/Sosial*

Teori ini mengandaikan fenomena makro (seperti kejeliktan atau asabiyyah) dapat dilihat menerusi permasalahan mikro (seperti yang ditonjolkan menerusi watak Deris). Dalam makalah ini, Teori Pilihan Rasional dilihat mampu memberikan justifikasi kepada setiap tindakan yang dilakukan oleh watak ini khususnya apabila keputusan yang perlu diambil menggunakan pertimbangan untung-rugi dan penilaian risiko-faedah jangka panjang.

Tindakan individu itu dilihat bertujuan memaksimumkan ganjaran material dan kedudukan sosialnya dengan kelompok sasaran pilihannya. Individu ini akan hanya 'kembali' ke kelompok kolektif berbasis konteks sejarah, etnik atau sosiobudaya hanya apabila ganjaran gagal atau tidak dapat di manfaatkan sepenuhnya. Keputusan dan tindakan manusia untuk memenuhi tuntutan atau *survival* kehidupan sebenarnya menunjukkan fungsi dan implikasi pertalian atau hubungan yang wujud di antara setiap aktor-aktor sosial dan etnik (Mansor Mohd. Noor, 2012). Hubungan ini bersifat batas (boundary) dan ia tidak statik tetapi dinamik (fluid). Dalam konteks hubungan etnik, menurut Mansor Mohd. Noor (2001), batas etnik akan 'menebal' dalam isu pemeraksanaan identiti etnik Melayu atau komuniti India dan diterjemahkan menerusi wacana yang berorientasi perkauman atau etnosentrisme. Batas sosial pula, berbeza dengan batas etnik, diterjemahkan dalam hubungan sosial yang berasaskan interaksi dalam realiti sosial. Batas ini juga mengembang atau menguncup berdasarkan dinamika solidariti, kelas dan kesepaduan sosial. Penggembelangan teori dan konsep ini dapat memberikan pencerahan kepada representasi 'keKelantanan' dalam telemovie *Sorok Bau Budu* serta bagaimana protagonis Deris memanipulasi batas etnik dan batas sosial beliau atas dasar pilihan dan kepercayaan, kesedaran dan keperluan *survival*nya.

### 3. Metodologi

Menurut Holsti (1969), analisis tekstual merangkumi aktiviti seperti membaca, meneliti, memilih dan menyaring teks atau visual yang digunakan sebagai bahan dan data penyelidikan. Bagi mendapatkan data kajian yang jitu, kami akan menggunakan analisis pembedaan untuk melihat visual dan teks yang terkandung dalam bingkai pilihan dari telemovie *Sorok Bau Budu* yang memaparkan potensi jaringan semiotik yang mengandungi lapisan makna yang tersulam dan subjektif. Menurut Entman (1993:52), tujuan pembedaan ialah:

*to select some aspects of a perceived reality and make them more salient in a communicating text, in such a way as to promote a particular problem definition, causal interpretation, moral evaluation and or treatment recommendation for the item described.*

Menurutnya lagi, bingkai-bingkai terletak dalam sifat tertentu menerusi penceritaan sebuah cerita yang menggalakkan khalayak untuk memikirkan kejadian atau peristiwa dalam babak seterusnya membina pemahaman tersendiri mengenai kejadian tersebut. Pembedaan ini dibina dari penggunaan kata-kata kunci, metafora, konsep, simbol dan imej-imej visual. Elemen-elemen ini mampu mendatangkan kesan dan impak kepada sesebuah penceritaan. Usai melakukan analisis pembedaan, kami melakukan analisis wacana menerusi pembacaan dwi-fungsional dari gabungan Teori Pilihan Rasional dan konsep batas etnik/sosial sebagai proses pencerahan bersepadu dalam menanggapi kemelut identiti yang diangkat oleh watak Deris

### 4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan dari setiap bingkai dianalisis dan dibincangkan berdasarkan elemen-elemen yang berkait dengan representasi 'keKelantanan', seperti warisan kesenian, bahasa, kejelekitan dan survivalisme perantau.

#### 4.1 Warisan Kesenian



Gambar 1

Masyarakat Kelantan memiliki warisan kesenian dan kebudayaan yang amat tersohor di Nusantara Melayu (Hafiz Al-Kalanji, 2017). Gambar 1 memaparkan Nik Arif membuat hiasan pada wau sobek miliknya. Apabila Deris pulang dari tempat kerja, Nik Arif lekas memberikan rebana anak kepada Deris sambil memasang muzik dikir barat. Babak menunjukkan usaha Nik Arif memperkenalkan budaya Kelantan dengan mengajarkan Deris cara bermain rebana anak dan Deris yang baru pulang dalam keadaan letih hanya menurut kata. Nik Arif memuji bakat Deris memukul rebana yang merupakan permainan tradisional Kelantan tanpa mengetahui identiti sebenar Deris. Nik Arif kelihatan selesa duduk di lantai seperti kedudukan orang kampung. Deris pula mengambil tempat di sofa menggambarkan bentuk perbezaan kehidupan antara Nik Arif dengan Deris. Nik Arif memaparkan nilai kolektivisme, seorang yang beranggapan kelompok lebih penting daripada individu. Hal ini terserlah pada usahanya membawa budaya Kelantan di Kuala Lumpur kerana percaya bahawa budaya itu sesuatu yang menyatukan. Nik Arif yang selesa duduk bersila di lantai pula menggambarkan dirinya sebagai seorang yang bersikap terbuka sesuai dengan watak yang dipegangnya. Meskipun Deris menafikan dirinya anak Kelantan, kedatangan Nik Arif disambut baik oleh Deris malah Deris hanya membiarkan Nik Arif untuk berbuat apa sahaja di rumahnya. Ketika Deris bermain rebana, muzik dikir barat di belakang tabir sambil memaparkan Deris leka melayan perasaan yang memberi gambaran bahawa Deris menemui ketenangan dengan elemen muzik dari Kelantan.

Sebagai anak Kelantan, kehidupan Nik Arif dan Deris sebagai rakan serumah adalah baik dan hormat-menghormati. Stereotaip orang Kelantan memilih bulu dengan sesama Kelantan agar dapat bersolidariti ini merupakan elemen penting buat diri perantau agar dapat merasa aman, tenteram, kerinduan terhadap negeri terubat serta menimbulkan rasa terpercayanya terhadap satu sama lain. Stereotaip ini diberikan terhadap orang Kelantan apabila berada di luar Kelantan yang akan menipiskan relung batas untuk bercampur dengan orang lain namun apabila berjumpa sesama Kelantan, batas orang Kelantan terhadap orang luar mula menjadi tebal. Hal ini bertepatan dengan kajian yang pernah dilakukan mengenai hubungan persaudaraan serta sifat maskulin dalam konteks sosial masyarakat Australia. Menurut Burin (2015) ikatan persaudaraan sosial yang berorientasi maskulin atau lebih dikenali sebagai konsep 'mateship' ini terbentuk semula jadi kerana mempunyai rasa seperti saling memiliki diantara satu sama lain di atas faktor persamaan yang wujud. Apabila seorang perantau misalnya, berada di suatu tempat yang asing dan baru, beliau selalunya cenderung merasa keseorangan kerana saling tidak mengenali diantara satu sama lain. Apabila berasa

terasing, seseorang sesuatu hubungan tersebut lebih mudah akrab dan situasi ini akan lebih mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua pihak yang disebut perasaan kejelekitan (cohesiveness) yang tinggi di atas faktor keperluan untuk meneruskan kehidupan di tempat orang. Kelvin menulis bahawa:

*From a psychological standpoint it is probably sufficient to distinguish between only two kinds of basic groups; there are the face-to-face groups to which the individual belongs in a strictly physical sense, and there are the stereotype reference groups to which he 'belongs', in the sense that he identifies himself with the norms and values of the stereotype. The common element in both cases is expectation. In essence a group consists of people, who know, or believe they know, what to expect from one another*

Deris ditampilkan sebagai seseorang yang memilih untuk menukar identiti diri kerana mahu diterima di Kuala Lumpur. Pemilihan jati diri sama ada untuk kelihatan sebagai orang Kelantan atau anak kelahiran Kuala Lumpur dibuat apabila Deris mempunyai kepentingan tertentu. Watak Deris juga menunjukkan kesungguhan sebagai seorang perantau yang perlu mempunyai kemahiran ikhtihar hidup di kota metropolitan Kuala Lumpur untuk mempelajari bahasa Melayu baku melalui bosnya, Encik Rastam jika ingin terus bekerja sebagai jurujual kereta yang memerlukannya untuk berbual serta berkemahiran memujuk pelanggan. Perkataan kosmopolitan mula diperolehi daripada perkataan Greek *kosmopolites* yang bermaksud warganegara dunia. Istilah ini digunakan untuk menggambarkan pelbagai pandangan penting dalam falsafah moral dan sosio-politik. Kosmopolitanisme adalah ideologi yang menyatakan bahawa semua suku bangsa manusia merupakan satu komuniti tunggal yang memiliki moral yang sama. Kuala Lumpur merupakan contoh kota kosmopolitan kerana menerima pelbagai jenis bangsa dari pelbagai negara. Apabila berada di tempat orang terutamanya di kota metropolitan, seorang perantau perlu bijak untuk menyesuaikan diri serta bercampur dengan masyarakat untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat tersebut. Ciri ikhtihar hidup menjadi tinggi bagi Deris sekiranya identiti Kelantan tidak kedengaran atau kelihatan.

#### 4.2 Dialek

Bingkai seterusnya memaparkan babak Pak Brahim (ayah Deris) mencari teksi untuk mencari makanan Kelantan. Secara kebetulan, Encik Husin melalui kawasan berkenaan. Dialog memperdengarkan Encik Husin yang merupakan anak Kelantan bertutur menggunakan Bahasa Melayu baku dengan orang yang tidak dikenali.

Encik Husin: "Pak cik nak ke mana ni?"

Pak Brahim: "Ambo nok caghi keda makke"  
(Saya nak cari kedai makan)

Encik Husin: "Oghe kitto, denga kecek pung tahu doh"  
(Orang kita, dengar cara cakap pun sudah tahu)

Pak Brahim: "Mujo keno seghelung" (Nasib baik berjumpa orang setempat)



Gambar 2

Babak menampilkan unsur konsep batas di mana dua individu yang saling tidak mengenali bersikap erat terhadap satu sama lain kerana mempunyai ciri persamaan. Hal ini terlihat pada watak Encik Husin yang pada mulanya bertutur menggunakan bahasa Melayu Baku yang kemudiannya menipiskan batas dengan menukar loghat percakapan apabila mendengar Pak Brahim bertutur menggunakan loghat Kelantan. Encik Husin, perantauan yang bekerja sebagai pemandu teksi digambarkan seperti mencari penumpang yang berasal dari Kelantan. Babak menunjukkan tiada batas diantara mereka apabila Pak Brahim sebagai penumpang memilih untuk duduk di hadapan bersama pemandu berbanding jarak kebiasaan yang wujud diantara pemandu dan penumpang teksi yang lain. Ini menunjukkan tanda keramahan semulajadi apabila perantau berada di tempat orang. Adegan menunjukkan ikatan diantara orang Kelantan menjadi lebih erat apabila Encik Husin mendengar loghat Kelantan yang dituturkan oleh Pak Brahim. Perantau berasa saling memiliki, berasa aman, tenteram dan lebih yakin apabila berjumpa dengan rakan setempat di tempat asing. Perbualan yang pada mulanya hanya mengenai gerai masakan Kelantan seterusnya bertukar apabila kedua-dua mereka mula menceritakan mengenai anak masing-masing. Tingkah mereka seolah-olah sudah lama kenal apabila mereka begitu mudah mengongsikan cerita biarpun baru berjumpa buat kali pertamanya. Perbualan mereka cenderung bersifat lebih serius dan bersifat peribadi apabila kedua-dua mereka meluahkan kebimbangan mengenai jati diri anak muda terhadap budaya yang semakin dilupakan. Babak ini menerangkan unsur kepentingan loghat yang menjadi ikatan sesuatu hubungan.

### 3. *Kejelekitan sosiobudaya*

Semangat 'Assabiyah' digambarkan melalui adegan ini di mana anak Kelantan berkumpul di suatu kawasan yang dimiliki majoriti Kelantan untuk saling berkumpul, berjumpa dan berkenalan agar wujud ikatan. Sebuah kedai makan yang dimiliki oleh anak jati Kelantan, Kedai Pak Su merupakan tempat persinggahan anak Kelantan. Penjelasan pada dialog Encik Husin mengatakan bahawa Kedai Pak Su merupakan kunjungan utama orang Kelantan di Kuala Lumpur tanpa mengira pangkat. Subteks mengamati simbol '1' dan perkataan 'number one' yang tertera pada banner Kedai Pak Su. 'Number one' memberikan rasa aman pada diri perantau apabila berada di negeri orang.



Gambar 3

Kedai yang dikunjungi oleh majoriti anak jati Kelantan memberikan rasa 'homecoming' atau rasa kesepunyaan. Di sini mereka berasa selamat, tenang, bebas dan saling 'memiliki' dan berkongsi nilai-nilai dan sejarah yang sama di antara satu sama lain. Nombor '1' juga bererti satu penyatuan tanpa batas dan semua adalah sama dan diterima. Malahan, sebagai suatu pemerhatian yang tidak kurang menariknya juga, penggunaan simbol '1' dan 'number one' juga sinonim dengan Gagasan 1Malaysia yang berintipatikan gagasan satu bangsa tanpa mengira kepelbagaian etnik, sub-etnik dan kebudayaan. Dalam ertikata lain, simbol '1' digunakan bagi membawa makna perpaduan dalam kalangan masyarakat Kelantan di perantauan melalui konsep kesatuan rakyat Kelantan. Prinsip utama yang mendasari 1 Malaysia pula adalah kebersamaan dan kekitaan dalam satu keluarga besar. Kewujudan simbol ini di kedai Pak Su menimbulkan persoalan kewujudan permaknaan berbeza selain hanya membawa maksud Kedai Pak Su merupakan kedai nombor satu dalam kalangan masyarakat Kelantan di Kuala Lumpur. Dengan unsur 'Asabiyah' yang kuat digambarkan pada adegan ini, pengarah menyuntikkan elemen 'perpaduan' dalam kalangan masyarakat 1 Kelantan. Jika dibandingkan pemaparan adegan di dalam filem ini dengan realiti yang berlaku pada hari ini, kita dapati banyak kedai-kedai yang berasal dari negeri lain serta mengenalkan resepi masakan tradisional negeri mereka di tempat orang. Jika dahulu kita hanya dapat menjumpai makanan dan kuih-muih tradisional Kelantan hanya di negeri Kelantan, kini makanan sebegini boleh didapati di serata-rata negeri di Malaysia. Perluasan serta kadar penghijrahan yang tinggi pada hari ini membawa kepada satu pembentukan budaya negeri lain di tempat orang.





Gambar 4

Gambar 4 menunjukkan perlambangan warna merah (warna bendera negeri Kelantan) dan juga tulisan 'Gomo Kelate Gomo' pada banner kedai yang menunjukkan semangat kesukanan melalui pasukan bola sepak Kelantan, The Red Warriors (TRW). Pemaparan banner 'Gomo Kelate Gomo, Piala Malaysia Hok Kito' di belakang kedai pula menunjukkan budaya popular dalam kalangan masyarakat. Nilai 'asobiyah' diselitkan melalui sokongan padu yang diberikan terhadap pasukan TRW. Gambar ini juga mempunyai unsur pemaknaan bahawa sukan itu menyatukan. Perkataan 'Piala Malaysia Hok Kito' pada banner menunjukkan 'semangat' yang dimiliki oleh pasukan TRW yang banyak memenangi perlawanan bola sepak. 'Gomo Kelate Gomo' pula merupakan sorakan yang diberikan kepada pasukan TRW (Siti Fatimah Awang, 2013). Sorakan 'Gomo Kelate Gomo' sangat popular di negara kita. Lagu sorakan 'Gomo Kelate Gomo' ini juga terdapat dalam dua versi dengan kedua-duanya menggunakan elemen dikir barat di dalam lagunya iaitu lagu 'Bo Lawe Setaro Demo' dan 'Gomo Kelate Gomo'.

Dari konteks pemaknaan, 'gomo' membawa maksud pergi lagi yang digunakan dalam konteks untuk memberi kata semangat agar sentiasa berusaha. Perkataan 'gomo' turut mendukung makna *gocoh* atau gaduh. Ini bersesuaian dengan sifat kepahlawanan TRW untuk berjuang habis-habisan. Sifat kepahlawanan ini menunjukkan ciri maskulin dalam masyarakat Kelantan. Adegan ini menonjolkan pemilihan pelakon utama pada babak ini di mana kedua-duanya merupakan anak jati asal Kelantan dan fasih bertutur menggunakan loghat Kelantan. Sabri Yunus selaku pengarah tidak memilih orang luar untuk memegang watak orang Kelantan sebaliknya memang menggunakan orang Kelantan sebenar. Menerusi gambar 8 menampakkan hidangan Pantai Timur terhidang di atas meja seperti lauk ikan singgang, petai, budu dan jering. Makanan yang memberi kesan nostalgia yang tinggi digunakan untuk 'mengikat' anak Kelantan apabila berada di tempat orang.

#### 4.4 Survivalisme Perantau

Gambar 5a memaparkan setting rumah sewa Deris bersama majikannya, Encik rastam. Encik Rastam menggantungkan bingkai yang mengandungi gambar sebuah sampan. Bingkai gambar hiasan nelayan menunjukkan unsur moderniti melalui unsur penghasilan lukisan tersebut. Gambar 5b pula menunjukkan perbandingan hiasan dalaman rumah sewa Deris

setelah tinggal bersama Nik Arif. Diperhatikan bingkai hiasan rumah yang asal telah digantikan dengan wau sobek yang dihasilkan sendiri oleh Nik Arif.



Gambar 5a



Gambar 5b

Di sini berlakunya konsep batas di mana Deris selaku tuan rumah telah menipiskan batasnya dengan mengizinkan Nik Arif untuk mengalihkan perhiasan pada dinding rumahnya dengan menggantikan dengan hiasan berbentuk kebudayaan negeri Kelantan sedangkan rumah berkenaan bukanlah miliknya sebaliknya hanya disewakan oleh bosnya. Pekerjaan ayah Deris, Pak Brahim sebagai tukang buat wau menyebabkan wau menjadi begitu dekat di hatinya. Wau juga merupakan suatu bentuk ritual permainan tradisional yang dekat dengan jiwa masyarakat Kelantan. Pengantungan wau sobek di dinding rumah sebagai perhiasan untuk dilihat menjadi simbolik bahawa rumah ini dimiliki oleh orang Kelantan.



Gambar 5c



Gambar 5d

Gambar 5c menunjukkan adegan Deris sedang makan bersama majikannya, Encik Rastam di kawasan ruang tamu rumah sewanya. Diperhatikan susunan letak perabot dengan kehadiran meja rendah digunakan untuk makan. Gambar 5d pula menunjukkan perbezaan gaya makan oleh Deris dengan Nik Arif apabila mereka lebih selesa duduk bersila di atas lantai. Meja yang sebelum ini digunakan untuk makan beradab telah dialih, diletakkan di tepi dan tidak lagi digunakan. Mereka berdua kelihatan memilih untuk hanya duduk bersila di atas lantai yang mana merupakan adat ketika makan bagi lelaki Melayu pada zaman dahulu. Deris telah menipiskan batasnya ketika makan dan adegan ini berlaku ketika Nik Arif sedang mengajarkan Deris untuk merasai hidangan Pantai Timur iaitu nasi kerabu. Gambaran daripada kedua-dua setting yang berbeza juga menunjukkan bahawa watak Deris mempunyai apa yang pernah disebut oleh ahli antropologi Judith Nagata sebagai '*oscillating identity*' (dlm. Erni Budiwanti. 2012), iaitu memilih identiti untuk diasumsi berdasarkan keperluan dan ganjaran. Budaya asal diri Deris sedang dibawa masuk semula. Penggunaan meja menjadi representasi kebiasaan cara makan Orang Kelantan. Keadaan tidak biasa menggunakan meja juga menggambarkan kehidupan kampung serta sosio-ekonomi masyarakat di Kelantan yang sederhana hingga ramai anak muda keluar berhijrah bagi mencari rezeki. Faktor sosio-

ekonomi membawa kepada konsep 'minimalis' kepada barang keperluan sahaja. Oleh itu, ketiadaan meja menggambarkan kehidupan yang sederhana. Apabila meja sudah sedia ada di rumah sewa mereka, meja berkenaan dialihkan kerana adab makan di meja bukanlah suatu kebiasaan bagi mereka. Makan bersila di atas lantai merupakan jati diri mereka yang asal yang memberikan rasa aman, tenang dan tenteram seperti suasana mereka di kampung halaman. Pengalihan meja menunjukkan bahawa kedua-dua anak muda ini iaitu Deris dan Nik Arif baru sampai di tempat orang dan masih di dalam proses untuk membiasakan diri.

#### 4. Kesimpulan

Adalah penting untuk mendalami mengapa masyarakat Kelantan khususnya yang merantau di luar tanah air mereka menerima stigma yang cenderung menstereotaipkan identiti keMelayuan dan semangat kenegerian mereka oleh 'masyarakat luar'. Kajian ini mendapati representasi 'keKelantan' dalam *Sorok Bau Budu* telah mengabsahkan tanggapan bahawa orang Kelantan sememangnya mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap nilai sosiobudaya mereka. Pengarah Sabri dilihat merumuskan representasi ini dalam 4 aspek iaitu warisan kesenian, bahasa, kejelekitan sosiobudaya dan survivalisme perantau. Bagaimanapun, penstereotaipan ciri 'asobiyah' dalam kalangan masyarakat negara ini tidak lagi harus diterima bulat-bulat. Kejelekitan masyarakat mereka sebenarnya mempunyai nilai *survival* perantauan yang murni dan setiakawan, bukan semestinya oportunistik (Burin, 2015). Kesimpulannya, menerusi watak Deris yang manipulatif, matang dan berpandangan jauh, representasi 'keKelantan' yang berstereotaip dan prejudis telah ditandingi dan diulang tanya oleh pengarah Sabri Yunus sendiri sebagai anak Kelantan yang merantau.

#### Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)*.143-154
- Ajid Che Kob. (2008). Subklasifikasi dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Melayu*. 3:19-31
- Banton, M. (1995). Rational Choice Theories. *American Behavioural Scientist*. 38(3):478-497
- Entman, N. R. (1993). Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication*. 43(4):51-58
- Hafiz Al-Kalanji. (2017). *Lagu-lagu sejarah, kebudayaan dan patriotik dalam tamadun rumpun Melayu*. <https://www.thepatriots.asia/lagu-lagu-sejarah-kebudayaan-dan-patriotik-dalam-tamadun-rumpun-melayu/> [12 November 2017]
- Holsti, O. R. (1969). *Content analysis for the social sciences and humanities*. Reading, MA: Addison-Wesley
- Mansor Mohd. Noor. (2001). Batas kaum sudah menipis. *Utusan Malaysia*. 18 Mac.
- Mansor Mohd. Noor. (2012). *Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: Kepelbagaian etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burin, M. (2015). *Aussie mateship: Tracing the history of a defining cultural term*. <http://www.abc.net.au/local/stories/2015/01/23/4167572.htm> [1 Januari 2018]
- Mohamed Yusoff Ismail. (1996). Pengaruh Siam dan Buddha terhadap sistem kepercayaan tradisional orang Melayu Kelantan. *Akademika*. 49(1): 23-37
- Pawanteh, M. R. & Kuake, J. B. (2016). Orghe Kelantan: A preliminary study. *International journal of culture and history*. 2(4):184-188

- Siti Fatimah Awang. (2013). Laungan keramat ‘Gomo Kelate Gomo’. *Sinar Harian*. 4 November.
- Sorok Bau Budu*. (2011). Filem. Malaysia: Balang Rimbun Sdn Bhd.
- Suhana Saad & Marsitah Mohd Radzi. (2009). Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. *Malaysian journal of society and space*. **5**(3). 8-25.